

**HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPUASAN
KERJA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DALAM
KAWASAN PKG KETEREH**

BAHROL AZMAN BIN HASSAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2010

**HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPUASAN
KERJA DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH
DALAM KAWASAN PKG KETEREH**

BAHROL AZMAN BIN HASSAN


**KERTAS PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM
COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES, UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA SAINS
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2010**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 17 Sept 2010

Tandatangan: _____

Nama: BAHROL AZMAN BIN HASSAN

No. Matrik: 801104



Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)

PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

BAHROL AZMAN BIN HASSAN (NO. MATRIK : 801104)

Calon untuk Ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)**
(candidate for the degree of)


telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN KEPUASAN KERJA.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia : **Dr. Abd. Latif Kasim**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)



Tarikh : **30 Oktober 2010**
(Date)

KEBENARAN MENGGUNA

Penyerahan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju menjadikan kertas projek ini sebagai rujukan di perpustakaan. Saya juga bersetuju membenarkan salinan kertas projek ini dibuat sebahagian atau keseluruhan, bagi tujuan akademik dengan melalui kebenaran daripada Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah. Sebarang bentuk penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini bagi tujuan komersial adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Bagi sebarang penggunaan bahan daripada kertas projek ini untuk tujuan penulisan, permohonan untuk mendapat kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan secara keseluruhan atau sebahagian haruslah dibuat dengan menulis kepada

Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah

Kolej Sastera dan Sains

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim...

Syukur Alhamdulillah...

Tiada lain lagi kata keramat untukku, hanya mampu memuji Allah S.W.T, namun masih tidak cukup dengan ungkapan itu. Tidak dapat dibayangkan perasaan syukur dan terima kasihku yang tak terhingga atas izin-Nya yang membolehkanku menyiapkan projek ini.

Jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Abd.Latif b Kasim, Penyelia Projek yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar dan bimbingan, yang tidak mampu kulakukan sendiri. Budi tuan ku sanjungi, agar tuan dirahmati Allah di dunia dan akhirat.

Kepada isteri tercinta, Wahidah bt Abdul Rahim yang terus-terusan memberi kata-kata keramat agar ku tetap sabar dalam menempuhi hari-hari sibuk dan lapang. Tidak lupa permata-permata hati kami Ilya Diana, Izyan Nadia dan Irdina Damia.... Papa amat-amat menyayangi kamu semua.

Kepada rakan-rakan seperjuangan terutama Rozman, Amran, Aris dan Rodiah.... terima kasih kerana banyak membantu. Tidak lupa juga kepada responden- responden dari warga SK. Ketereh, SK.Kok Lanas dan SK. Banggol Saman yang mengambil bahagian dalam kajian ini, terima kasih diucapkan.

Wassalam....

ABSTRAK

Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap beban tugas, tahap kepuasan kerja, serta hubungan antara setiap dimensi beban tugas iaitu pengajaran dalam bilik darjah, kokurikulum, kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, perkeranian, dan tugas-tugas khas dan luar sekolah dengan kepuasan kerja guru. Sampel kajian terdiri daripada 105 orang guru dari dua buah sekolah rendah di kawasan PKG Ketereh, Kelantan. Soal selidik beban tugas diadaptasi daripada kajian lepas oleh Shukri (1998), mengandungi enam dimensi beban tugas iaitu tugas pengajaran dalam bilik darjah, kokurikulum, kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, perkeranian dan, tugas khas dan luar sekolah. Manakala soal selidik kepuasan kerja diambil daripada *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ) dan *Job Descriptive Index* (JDI) yang diadaptasi dari kajian Bahari (1997), mengandungi 16 item kepuasan kerja, digunakan untuk mengumpul data. Setelah kajian rintis dibuat analisis kebolehpercayaan *Alpha Cronbach's* bagi beban tugas berada pada aras 0.97 dan kepuasan kerja ialah 0.82. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 12.0*. Dalam kajian ini analisis statistik deskriptif digunakan untuk melihat tahap beban tugas dan tahap kepuasan kerja. Manakala Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan antara setiap dimensi beban tugas dan kepuasan kerja. Keputusan ujian menunjukkan tahap beban tugas guru adalah sederhana manakala tahap kepuasan kerja adalah tinggi. Ujian Korelasi Pearson juga menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara setiap dimensi beban tugas dengan kepuasan kerja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menyarankan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan pengurusan sekolah membuat agihan tugas akademik dan bukan akademik secara adil kepada guru agar mereka tidak terbeban dan tidak menjejaskan tugas utama mengajar. KPM juga diminta mengkaji untuk menambahkan bilangan guru, mengurangkan jumlah minimum murid sekelas dan memberi elaun lebih masa kepada guru yang bertugas di luar waktu persekolahan, bagi meringankan beban tugas dan meningkatkan prestasi kerja guru.

THE RELATIONSHIP BETWEEN WORKLOAD AND JOB SATISFACTION AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN PKG KETEREH AREA

ABSTRACT

The main objective was to identify the level of workload, job satisfaction, and relationships between each dimension of the workload of classroom teaching, curriculum, student welfare, management and supervisory, clerical, and special tasks outside of school and teachers job satisfaction. The sample consisted of 105 teachers from two primary schools in the area of PKG Ketereh, Kelantan. Workload questionnaire adapted from previous studies by Shukri (1998), consisted of six dimensions of workload namely the task of teaching in the classroom, curriculum, student welfare, management and supervision, and clerical, and special tasks outside the school. While job satisfaction survey was taken from the Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ) and the Job Descriptive Index (JDI) was adapted from the Bahari study (1997), containing 16 items of job satisfaction, was used to collect data. The reliability of the instrument was measured using the *Cronbach's Alpha*. After a pilot study was made, Cronbach's Alpha reliability analysis showed that the workload level was 0.97 and the level of job satisfaction was 0.82. The findings of this study were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 12.0. In this study, descriptive statistics analysis was used to examine the workload and job satisfaction. Pearson correlation tests were used to investigate the relationship between each dimension of workload and job satisfaction. The test results showed that the workload of teachers was moderate, while the level of job satisfaction was high. Pearson correlation test showed a significant negative correlation between each dimension of workload and job satisfaction. Based on the findings, researchers recommend that the Ministry of Education (MOE) and the school board to make the distribution of academic and non-teaching duties in a fair basis to teachers so that they are not overloaded and will not affect the main task of teaching. MOE also requested a study to increase the number of teachers, reduce the minimum number of students in a classroom and provide overtime allowance for teachers who are working outside of school hours, to lighten and ease the workload and improve teachers' performance.

KANDUNGAN

Muka Surat

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENGENALAN

Pendahuluan	1
Latar Belakang Kajian	3
Penyataan Masalah	5
Objektif Kajian	8
Soalan Kajian	8
Hipotesis Kajian	9
Kerangka Kajian	10
Kepentingan Kajian	10
Batasan Kajian	12

Definisi Operasional	13
Beban Tugas	13
Kepuasan Kerja	13
Rumusan	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan	15
Definisi dan Konsep Beban Tugas	15
Kajian Beban Tugas Luar Negara	15
Kajian Beban Tugas Dalam Negara	19
Isu-Isu Beban Tugas Guru	20
Guru Terbeban Bertugas 74 Jam Seminggu	21
Tugas Guru: NUTP Gariskan Beban Tanggungan	21
Guru Guna 66.24 Jam Seminggu Mendidik	23
Kementerian Perlu Iantik Pembantu Guru Selesaikan Tugas Perkeranian	24
Tugas Tambahan Jejas Keupayaan Guru	25
Jawatankuasa Khas Akan Ditubuhkan bagi Mengkaji Beban Tugas Guru	25
Tugas Guru Bertambah Akibat Banyak Arahan	26
Konsep dan Definisi Kepuasan Kerja	26
Kajian Kepuasan Kerja Dalam Negara	27
Kajian Kepuasan Kerja Luar Negara	28

Teori-Teori Berkaitan Kepuasan Kerja	28
Teori Perbezaan Locke	29
Teori Keadilan Mowday	29
Teori Motivasi Kebersihan Herzberg	29
Rumusan	32
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
Pendahuluan	33
Reka Bentuk Kajian	33
Populasi dan Pensampelan	34
Instrumen Kajian	34
Kajian Rintis	36
Prosedur Pengumpulan Data	37
Prosedur Menganalisis Data	38
Rumusan	39
 BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
Pendahuluan	40
Profil Responden	40
Responden	40
Kelulusan	42
Pengalaman Mengajar	42

Profil Alat Ukur	43
Pengujian Hipotesis	45
Rumusan	50
 BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
Pendahuluan	51
Ringkasan Kajian	51
Perbincangan	52
Cadangan Kajian Lanjutan	58
Rumusan	61
 RUJUKAN	 62
LAMPIRAN A: INSTRUMEN KAJIAN	66
LAMPIRAN B: SURAT KEBENARAN KPM	73
LAMPIRAN C: SURAT KEBENARAN JPN KELANTAN	74
LAMPIRAN D: OUTPUT ANALISIS SPSS	75

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka Surat
1.1	Profil sekolah yang dikaji	4
1.2	Jumlah unit di bawah bidang kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum	5
3.1	Nilai pekali kebolehpercayaan pembolehubah	36
3.2	Nilai pekali kebolehpercayaan mengikut pecahan dimensi beban tugas	37
4.1	Bilangan responden mengikut sekolah	41
4.2	Bilangan dan peratus responden mengikut jantina	41
4.3	Bilangan dan peratus responden mengikut kelulusan	42
4.4	Bilangan dan peratus responden mengikut pengalaman mengajar	42
4.5	Taburan penentuan tahap min	43
4.6	Min dan sisih piawai dimensi beban tugas dan kepuasan kerja	44
4.7	Saiz korelasi	45
4.8	Korelasi Pearson antara tahap beban tugas dengan tahap kepuasan kerja	45
4.9	Korelasi Pearson antara beban tugas dalam bilik darjah dengan kepuasan kerja	46
4.10	Korelasi Pearson antara tugas kokurikulum dengan kepuasan kerja	47
4.11	Korelasi Pearson antara kebajikan pelajar dengan kepuasan kerja	47

4.12	Korelasi Pearson antara pengurusan dan penyeliaan dengan kepuasan kerja	48
4.13	Korelasi Pearson antara perkeranian dengan kepuasan kerja	49
4.14	Korelasi Pearson antara tugas khas dan luar dengan kepuasan kerja	49

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka kajian	10
2	Teori Dua Faktor Herzberg	31

BAB 1

Pengenalan

Pendahuluan

Kemunculan cabaran baru dunia tanpa sempadan dalam era globalisasi telah menjadikan kecekapan sumber manusia sebagai aset yang sangat bernilai kepada pembangunan sesebuah negara. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, juga berteraskan kepada peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan pada setiap peringkat di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah serta semua institusi dan agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). PIPP dilaksanakan dengan harapan agar semua program pembangunan pendidikan berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat menggunakan sumber-sumber yang ada secara optimum.

Negara Malaysia yang berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 telah menjadikan sektor pendidikan sebagai wadah untuk mencapai status tersebut. Wadah ini dinyatakan dengan jelas sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dimuatkan dalam kata pendahuluan Akta Pendidikan 1996 sebagaimana berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk

melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Sekolah adalah diharapkan menjadi agen bagi mencapai matlamat dan hasrat murni ini. Dalam konteks pendidikan hari ini, guru adalah golongan profesional yang melaksanakan tugas ke arah mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan. Secara umumnya tugas seseorang guru adalah mengajar dan mendidik murid-murid untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan, bagi melahirkan modal insan kelas pertama demi membina negara bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

“Kejayaan pembangunan modal insan ini amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara, yang diamanahkan kepada guru-guru untuk melaksanakannya”

(Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, PIPP 2006).

Dalam usaha untuk merealisasikan pembangunan modal insan kelas pertama, beban tugas dan tanggungjawab kerja guru-guru juga perlu diambil kira, kerana guru pada hari ini bukan sahaja mengajar dalam bilik darjah malah pada masa yang sama juga terpaksa melakukan tugas-tugas lain seperti tugas pentadbiran, menjaga kebajikan pelajar, perkeranian dan tugas-tugas khas di luar sekolah. Tugas sampingan ini kadang kala lebih banyak daripada tugas utama guru, menyebabkan berlakunya pertambahan kerja guru yang menyebabkan guru hilang tumpuan, masa dan tenaga yang sepatutnya ditumpukan kepada tugas sebenar iaitu mengajar dalam kelas. Kualiti pengajaran dan pembelajaran juga akan terjejas, jika perkara ini

berlanjutan tanpa mendapat perhatian pihak pengurusan sekolah, sudah pasti murid-murid akan menerima akibatnya. Murid-murid akan menjadi mangsa kerana mereka mengharapkan sesuatu yang terbaik dalam setiap pengajaran dan pembelajaran, sedangkan guru tidak mempunyai cukup masa untuk menjalankan tugas pengajaran.

Lambakan tugas guru ini bukan sahaja memberi kesan kepada perlakuan guru malah boleh memberi tekanan dan menjejaskan tahap kepuasan kerja guru. Beban tugas guru yang tiada kaitan dengan tugas mengajar telah menyebabkan guru berasa stres, kecewa, bertindak agresif dan sentiasa berasa bimbang (Pyne & Furnhan, 1987). Jika perkara ini menyelubungi guru-guru di sekolah, mana mungkin kualiti sistem pendidikan negara kita akan bertambah baik.

Apabila proses pengajaran dan pembelajaran terganggu, ada murid yang akan ketinggalan dalam akademik dan menimbulkan masalah disiplin yang akan menambahkan lagi beban tugas guru bagi mengawal murid yang bermasalah ini. Beban tugas yang banyak akan menyebabkan guru-guru mengalami stress dan mempengaruhi kepuasan kerja mereka (Lowe, 2001).

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan di dua buah sekolah di kawasan Pusat Kegiatan Guru (PKG) Ketereh iaitu Sekolah Kebangsaan Ketereh (SKK) dan Sekolah Kebangsaan Kok Lanas (SKKL). Profil kedua-dua sekolah yang dikaji adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.1
Profil Sekolah Yang Dikaji

Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Murid	Bilangan Kelas	Purata Murid Sekelas
SKK	61	982	30	33
SKKL	82	1402	36	38

(Sumber: Buku Pengurusan SKK & SKKL, 2010)

Kedua-dua sekolah ini sangat aktif melaksanakan program akademik dan bukan akademik untuk mencapai kecemerlangan, kerana pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik dan bukan akademik semakin mendapat perhatian ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah berkenaan. Setiap tahun persekolahan banyak aktiviti telah dilaksanakan yang memerlukan komitmen, masa dan tenaga yang jitu daripada guru-guru bagi menjayakannya.

Setiap orang guru di sekolah yang dikaji melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan purata 27 waktu seminggu (810 minit). Selain mengajar setiap orang guru juga memegang satu jawatan utama yang lain seperti guru kelas, ketua panitia mata pelajaran, setiausaha kurikulum, setiausaha hal ehwal murid (HEM), setiausaha kokurikulum, setiausaha sukan, setiausaha peperiksaan dan ketua bagi unit-unit tertentu yang ditubuhkan di sekolah. Selain itu setiap guru juga menjadi ahli jawatan kuasa (AJK) bagi unit-unit yang ditubuhkan di bawah unit kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum seperti Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Jumlah Unit di Bawah Bidang Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum

	Kurikulum	Hal Ehwal Murid	Kokurikulum	Jumlah Unit
SKK	48	13	31	92
SKKL	53	15	29	97

(Sumber: Buku Pengurusan SKK & SKKL 2010)

Di sekolah yang dikaji setiap orang guru secara puratanya memegang satu jawatan utama dan lapan jawatankuasa kecil bagi unit yang ditubuhkan di bawah bidang kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan tugas sampingan yang lain. Beban tugas sampingan yang banyak ini boleh menyebabkan guru hilang tumpuan (Payne & Furnhan, 1987), dalam menjalankan tugas utama mereka.

Penyataan Masalah

Guru-guru kini bukan sekadar mengajar, malah kurang dapat memberi tumpuan kepada aktiviti pengajaran walaupun semua pihak menekankan kewajipan itu sebagai bidang tugas utama guru di sekolah. Isu guru sarat dengan beban tugas sering kali diperkatakan dalam media arus perdana dan telah menjadi isu nasional sejak sekian lama. Perkara ini pernah dibangkit dan dibincangkan sebelum ini, malah turut dikatakan sebagai antara faktor yang menyebabkan guru mengalami stress (Lowe, 2001). Berikutan itu, pelbagai cadangan dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) antaranya ialah mewujudkan jawatan pembantu guru, yang bertanggungjawab membantu tugas guru di bilik darjah. Bekas Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Razali Ismail menyatakan bahawa jawatan pembantu guru akan

dipertimbangkan oleh pihak kementerian bagi menangani masalah beban tugas guru yang berlebihan, tetapi hanya tinggal harapan kerana sehingga kini jawatan tersebut masih belum dilaksanakan. (Berita Harian, 25 Nov 2009).

Dalam situasi sekarang, tugas guru bukan sahaja mengajar dalam bilik darjah, malah terpaksa melakukan kerja-kerja tambahan yang lain seperti tugas pentadbiran, perkeranian, pembantu makmal, tukang kebun, pembantu am rendah dan sebagainya, yang sepatutnya dilakukan oleh orang lain, tetapi terpaksa dipikul oleh guru. Tugas sampingan yang banyak ini menyebabkan guru menjadi stres dan hilang tumpuan kepada tugas sebenar mereka, iaitu mengajar di dalam bilik darjah. Guru juga terpaksa berhadapan dengan perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan sehingga wujudnya lambakan tugas yang berlebihan. Ini menyebabkan guru merasakan mereka telah gagal untuk melaksanakan tugas utama mereka dengan sempurna demi menyiapkan kerja sampingan yang lain. Dunham (1992) mendapati guru bertambah stres kerana berlaku perubahan dalam peranan guru bagi memenuhi kehendak kurikulum yang luas.

Sementara kebanyakan guru menyatakan sangat puas dalam pekerjaan mereka (Hakanen, 2006; Timmas, 2007) tetapi diakui oleh kebanyakan penyelidik bahawa mengajar adalah pekerjaan yang sangat stres (Friedman, 2000; Howord & Johnson 2004). Ketegangan emosi yang berterusan boleh mempengaruhi psikologi guru seperti hilang keyakinan, cepat meradang, agresif dan hilang daya konsentrasi (Payne & Furnham, 1987). Keadaan ini menyebabkan guru hilang motivasi dalam menjalankan tugas mereka. Guru hari ini memikul tanggungjawab yang berat dalam menyediakan sumber tenaga manusia yang mampu bersaing di masa hadapan. Beban tugas serta tanggungjawab guru yang banyak mungkin dapat mempengaruhi kepuasan mereka.

Tanggungjawab hakiki guru adalah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan sempurna, bagaimanapun perkhidmatan mereka dikatakan terjejas kerana sebahagian masa digunakan untuk menyelesaikan tugas perkeranian. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati guru-guru kini terlalu dibebankan dengan tugas bukan mengajar sehingga menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kenyataan bekas Menteri Pelajaran Dato Seri Hishammuddin Tun Hussein, bahawa KPM mendapati guru-guru kini terlalu dibebankan dengan tugas bukan mengajar sehingga menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Berita Harian, 27 Feb 2009). Jawatankuasa Menangani Beban Tugas Guru (JMBTG) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang juga mendapati guru mengambil masa 74 jam seminggu untuk melaksanakan tugas mereka (Berita Harian, 25 Ogos 2005). Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Menteri Pelajaran menyatakan jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji beban tugas berlebihan yang ditanggung guru sekolah di seluruh Negara, kerana kerajaan memandang serius masalah itu yang dikhuatiri menjejaskan prestasi guru terbabit dan pencapaian pelajar untuk jangka masa panjang (Berita Harian, 21 Mac 2010). Ekoran dari kenyataan menteri pelajaran itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Lok Yim Pheng mendedahkan bahawa guru menanggung beban kerja berganda akibat wujudnya 'arahan dalam arahan' yang mana mereka terpaksa melakukan tugas dalam skop yang sama berulang kali atas arahan pihak atasan pada peringkat yang berbeza (Berita Harian, 1 April 2010)

Isu ini berterusan dan hangat diperkatakan dalam media tetapi hingga kini tiada tindakan lanjut diambil oleh pihak yang bertanggungjawab. Perkara ini telah menimbulkan persoalan baru, sama ada guru-guru benar-benar terbeban dalam

menjalankan tugas mereka, dan sama ada tugas yang diberikan kepada guru itu mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Sehubungan dengan itu satu kajian yang menjerumus ke arah mengetahui tahap beban tugas guru dan kepuasan kerja mereka haruslah dijalankan bagi mengenalpasti adakah terdapat hubungan atau tidak di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Objektif Kajian

Berdasarkan masalah kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menenal pasti tahap beban tugas dalam kalangan guru di sekolah yang dikaji
2. Menenal pasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah yang dikaji
3. Menenal pasti hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja

Soalan Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap beban tugas dalam kalangan guru di sekolah yang dikaji?
2. Apakah tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah yang dikaji?
3. Adakah terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja?

Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, beberapa hipotesis dibentuk untuk diuji pada aras keertian .05 iaitu;

H_{o1} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap beban tugas dengan tahap kepuasan kerja

H_{o2} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dalam bilik darjah dengan kepuasan kerja

H_{o3} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kokurikulum dengan kepuasan kerja

H_{o4} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kebajikan pelajar dengan kepuasan kerja


H_{o5} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengurusan dan penyeliaan dengan kepuasan kerja

H_{o6} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas perkeranian dengan kepuasan kerja

H_{o7} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas khas dan luar dengan kepuasan kerja

Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini dibina berasaskan teori dan dapatan kajian yang menyatakan beban tugas yang berlebihan mempengaruhi tahap kepuasan kerja pekerja (Butt & Lance, 2005). Berdasarkan teori dan kajian-kajian yang berkaitan, maka kerangka kajian dibentuk seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1. Kerangka Kajian

Kepentingan Kajian

Pada asasnya setiap kajian yang dijalankan mempunyai sumbangan dan kepentingan tersendiri. Kepentingan kajian ini boleh memberi gambaran tentang pekerjaan guru dalam menyumbang tenaga ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sumbangan dan kepentingan kajian itu dapat dijadikan panduan oleh pihak tertentu bagi menilai semula sesuatu isu yang dibangkitkan dalam kajian tersebut. Bagi kajian ini adalah diharapkan dapat:

- i. Memberi manfaat kepada pihak pentadbiran sekolah dalam membuat pembahagian tugas secara adil kepada guru supaya tidak timbul masalah segelintir guru sahaja yang dibebankan dengan sesuatu tugas. Keadaan yang sering berlaku di sekolah, hanya guru yang mempunyai kebolehan tertentu sahaja diberikan sesuatu tugas yang berlebihan berbanding dengan guru yang tidak mempunyai kebolehan. Keadaan ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati kepada guru terbabit.
- ii. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) supaya dapat mengkaji semula bidang tugas guru yang sepatutnya, bagi mengelak timbul masalah bidang tugas yang tidak berkaitan dengan tugas sebenar guru. Dengan ini guru dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran murid.
- iii. Kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan guru tentang jenis-jenis tugas yang mereka lakukan setiap hari sama ada tugas akademik atau tugas bukan akademik supaya guru dapat menilai tugas yang manakah mesti diberi keutamaan untuk dilaksanakan.
- iv. Hasil kajian diharapkan dapat mendedahkan beban tugas guru hari ini supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat bahawa bidang tugas guru tidak semudah yang disangkakan oleh mereka, bagi mengelak tanggapan masyarakat pekerjaan guru adalah pekerjaan yang mempunyai banyak masa rehat.

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan tertentu, antaranya ialah:

- i. Lokasi kajian ialah di dua buah sekolah rendah di kawasan Pusat Kegiatan Guru (PKG) Kerteh iaitu Sekolah Kebangsaan Kerteh (SKK) dan Sekolah Kebangsaan Kok Lanas (SKKL). Sebarang dapatan yang diperolehi hanya menggambarkan situasi semasa guru-guru di kawasan PKG Kerteh sahaja dan tidak memberikan gambaran yang menyeluruh bagi semua guru di tempat lain di Malaysia.
- ii. Sampel kajian ini hanya melibatkan guru-guru terlatih sahaja iaitu guru siswazah dan bukan siswazah. Sampel yang dipilih terbatas kepada guru darjah satu hingga darjah enam. Guru yang terlibat secara langsung dengan tugas pentadbiran seperti guru besar, guru penolong kanan tidak diambil sebagai sampel, begitu juga dengan guru yang sedang bercuti atau sedang berkursus tidak dipilih sebagai sampel kajian.
- iii. Penentuan saiz sampel bagi kajian ini adalah berdasarkan saranan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Bagi bilangan populasi yang berjumlah antara 140 hingga 150 orang bilangan sampel yang disyorkan adalah antara 103 hingga 108, jadi bilangan guru yang terlibat dalam pemilihan sampel kajian ialah seramai 105 orang.
- iv. Kajian ini hanya melihat kepada tugas guru yang melibatkan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, kokurikulum, kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, perkeranian dan tugas-tugas khas yang dilakukan oleh guru di sekolah.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini beberapa istilah yang digunakan secara khusus diberikan pengertian mengikut kehendak kajian dengan merujuk kepada beberapa penulisan sebelum ini. Keterangan definisi operasi dalam kajian ini dijelaskan seperti berikut:

Beban Tugas

Beban tugas adalah merujuk kepada kerja yang terlalu banyak atau kerja yang sukar untuk dilakukan oleh seseorang individu. (Spector, 2006). Beban tugas guru adalah merujuk kepada jumlah masa yang digunakan oleh seseorang guru untuk melaksanakan tugas akademik dan bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Beban ini juga merujuk kepada tanggungjawab yang telah diberikan oleh pihak pentadbir di sekolah kepada seseorang guru untuk dilaksanakan.

Kepuasan Kerja

Kepuasan kerja merupakan reaksi efektif individu seperti seronok atau tidak seronok terhadap aspek tertentu dalam pekerjaan yang dilakukan seperti kerja itu sendiri, gaji, kenaikan pangkat, penyeliaan dan rakan sekerja. Kepuasan kerja juga merujuk kepada tindak balas emosi terhadap situasi pekerjaan yang berkaitan dengan sikap atau perasaan seseorang mengenai pekerjaannya. (Smith, Kendall & Hullin, 1969). Dalam kajian ini kepuasan kerja ditakrifkan sebagai perasaan guru terhadap kerjanya iaitu sejauh mana guru berpuas hati atau tidak terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya oleh pihak pentadbir sekolah.

Rumusan

Dalam bab ini telah diuraikan tentang perkara yang menjadi asas dalam kajian ini iaitu pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan

Dalam bab 2, aspek yang akan dibincangkan ialah definisi dan konsep beban tugas, kepuasan kerja dan juga isu-isu yang berkaitan dengan beban tugas guru. Bab ini juga akan menjelaskan tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas serta teori-teori yang berkaitan.

Definisi dan Konsep Beban Tugas

Konsep beban tugas ialah apabila seseorang itu diberikan terlalu banyak tugas atau tanggungjawab dalam masa yang terhad. Kerja yang banyak boleh memudaratkan pekerja kerana mereka tidak mendapat rehat yang mencukupi dan akhirnya mendapat tekanan hidup serta kualiti dan kepuasan kerja semakin menurun (Butt & Lance, 2005). Lambakan tugas guru itu memberi kesan kepada perlakuan mengajar guru, malah boleh memberi tekanan dan menjejaskan tahap kepuasan kerja guru (Furnham, 1987).

Kajian Beban Tugas Di Luar Negara

Dalam kajian-kajian yang dibuat di luar Negara, *National Education Association* secara umumnya mendapati guru-guru di Amerika Syarikat bekerja dengan purata 50 jam seminggu (NEA, n.d). Di United Kingdom, guru-guru di sekolah rendah dan

menengah bekerja 51.8 dan 50.8 jam seminggu (Bubb & Earley, 2004), manakala guru-guru di Kanada bekerja 55.6 jam seminggu (Price, 2005). Laporan akhbar Guardian pada 18 Ogos 2008 mendapati, guru sekolah rendah di United Kingdom (UK) bekerja 50.1 jam seminggu pada tahun 2006 dan meningkat kepada 52.2 jam pada tahun 2008. Pada tahun 1996, 50.8 jam dan 1994 sebanyak 48.8 jam seminggu. Ini menunjukkan jumlah beban kerja di UK telah meningkat dari tahun ke tahun.

Kajian yang dibuat oleh Michigan State Universiti USA, mendapati guru di Michigan bekerja melebihi waktu yang ditetapkan dengan majoriti yang sangat besar iaitu sebanyak 45 jam seminggu. (Policy Report no 22 June 2004 msu). Dalam kajian (Livingstone et al. 2000) di Ontario Kanada, pada penghujung 1999 dan awal 2000 mendapati purata beban tugas guru ialah sebanyak 48.7 jam seminggu meningkat sebanyak 17 peratus dari kajian yang dibuat pada tahun 1999.

Kajian-kajian yang dibuat di Kanada sebelum ini juga menunjukkan keputusan yang konsisten di mana guru bertugas dengan purata 45 hingga 53 jam seminggu (Harvey & Spinney: 2000, *Alberta Teachers Association*; 2000, *Statistics Canada*; 1997, *National Union Of Teachers*; 1998). Dalam analisis yang dibuat oleh Milosh Raykov daripada data yang diambil dari *Canada's General Social Survey* mendapati, guru di Kanada mempunyai beban kerja mingguan yang tinggi dan tidak dibayar kerja lebih masa oleh mana-mana kumpulan majikan yang profesional (Raykov, 2001).

Kajian yang di British Colombia mendapati hari bekerja guru secara keseluruhan adalah berhampiran dengan dua waktu yang terkandung dalam hari persekolah biasa. Guru juga menghabiskan tujuh kali jumlah masa di luar sekolah untuk membuat perancangan dan mempersiapkan kerja sekolah sehingga tidak sempat untuk makan tengah hari kerana sibuk dengan pekerjaan (Malcolmson, 1999).

Keperihatinan guru terhadap tugas yang banyak boleh memberi kesan kepada kehidupan berkeluarga (Dinham & Scott, 2000).

The United Kingdom Times Educational Suppelement (TES) dalam Bunting (2000), sering memaparkan isu-isu tentang beban kerja guru yang meningkat dan stres di kalangan guru di Britain, terutamanya di United Kingdom dan Wales. Laporan kajian yang diterbitkan pada 25 Mei 2001 (ms 4) mendapati guru bertugas 51 jam seminggu bagi peringkat rendah dan 53 jam seminggu bagi peringkat menengah. Jumlah jam kerja ini semakin meningkat kerana pihak pentadbir sekolah dan kesatuan guru telah bersetuju untuk mempertingkatkan lagi pencapaian pelajar sekolah yang menyebabkan tuntutan beban kerja guru dan pentadbir menjadi lebih banyak. TES juga melaporkan bilangan guru yang bertindak membunuh diri disebabkan cemas dengan bebanan kerja yang banyak dan pemantauan yang dilakukan oleh pihak sekolah meningkat.

Livingstone et al. (2001) dalam kajiannya telah mengkategorikan beban tugas guru kepada beberapa bahagian iaitu:

i. Mengajar

Meliputi masa yang dihabiskan dalam kelas, makmal, tutorial, seminar kumpulan guru penasihat atau mengajar pelajar lain. Ini merangkumi bimbingan dan kaunseling, jadual dan tugas guru perpustakaan dan pengajaran yang diberikan secara peribadi.

ii. Penyeliaan

Meliputi menyelia pelajar sama ada tugas yang dijadualkan atau sukarela seperti membuat penyeliaan terhadap dewan, perpustakaan, makmal komputer, pengawasan masa rehat murid dan lawatan sekolah.

iii. Jurulatih

Meliputi melatih dan menyelia atlit sekolah, kelab, kumpulan drama atau muzik, melatih pelajar di luar tugasan yang diberikan dan menjadualkan tugas-tugas pengawasan.

iv. Kaunseling

Kaunseling ibu bapa dan pelajar, meliputi kaunseling pelajar secara individu atau kumpulan kecil yang di luar jadual tugas mengajar dan penyeliaan. Ini termasuklah memberi pertolongan tambahan dan kaunseling kepada pelajar dalam bidang akademik atau peribadi serta membuat pelaporan untuk ibu bapa mengenai kemajuan murid.

v. Persiapan dan penandaan

Meliputi persediaan untuk ujian dan memeriksa kertas ujian, peperiksaan, dan pelbagai penilaian pelajar, menilai keperluan kursus dan bahan, mencari dan mengumpul bahan kursus, merancang bahan pengajaran termasuk rancangan mengajar, malmal, atau bahan kursus. Menyediakan bahan sokongan, video, latihan atau bahan pembelajaran untuk murid, menyelenggara rekod berkaitan pelajar seperti markah murid, kehadiran, bajet dan jadual kursus.

vi. Perjalanan ke tempat kerja

Meliputi bertugas di luar kawasan sekolah, tempat kerja yang lain, penyeliaan persatuan, menghadiri mesyuarat dengan kesatuan penduduk, mesyuarat kesatuan. Ini tidak termasuk lagi perjalanan dari tempat tinggal ke tempat kerja.

vii. Pentadbiran dan aktiviti profesional

Meliputi aktiviti jabatan, sekolah atau jawatankuasa sekolah, majlis pentadbiran, aktiviti kesatuan, kerja yang berkaitan dengan kerajaan, komunikasi dengan media, menulis buku teks, artikel atau dokumen berkaitan kurikulum.

Kajian Beban Tugas Di Dalam Negara

Dari pembacaan dan pencarian maklumat yang dilakukan, tidak banyak ditemui kajian-kajian yang dibuat mengenai beban tugas guru yang dilakukan oleh badan profesional tertentu melainkan kajian tesis sarjana pelajar-pelajar universiti tempatan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Shukor, Rahim dan Yazi (2006) mendapati guru menghabiskan masa 10.21 jam sehari untuk menjalankan tugas akademik rutin. Ini bermakna guru-guru terpaksa membawa sebahagian daripada tugas harian mereka ke rumah. Untuk tugas bukan akademik rutin guru menghabiskan 5.86 jam sehari. Tugas bukan akademik lebih menjurus kepada kerja mencatat atau menulis laporan yang tidak berkaitan dengan bidang akademik. Bagi tugas akademik bermusim, guru menghabiskan masa 1.35 jam seminggu untuk memeriksa skrip jawapan peperiksaan, mencatat markah dalam buku ringkasan mengajar dan buku rekod pencapaian murid. Guru juga menggunakan masa 2.56 jam seminggu untuk menjalankan tugas bukan akademik bermusim seperti mengadakan latihan rumah sukan, melatih murid dalam ko-akademik, melatih sukan dan mesyuarat kakitangan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Saudi (1988) dalam Shukor et al. (2006) mendapati bahawa guru menggunakan secara purata 39.59 jam seminggu untuk menjalankan tugas akademik dan 21.59 jam untuk tugas bukan akademik. Begitu juga kajian yang dibuat oleh Shukri (1998) dalam Shukor et al. (2006) mendapati guru

bertugas selama 36.67 jam seminggu untuk menjalankan tugas bukan akademik dan 45.01 jam seminggu untuk tugas bukan akademik. Kajian ini menunjukkan guru menjalankan tugas bukan akademik melebihi tugas akademik.

Sebagai kesimpulan dari kajian-kajian yang dibuat oleh penyelidik di dalam negara, mendapati, guru-guru memperuntukkan masa melebihi 60 jam seminggu bagi menjalankan tugas, iaitu melebihi masa yang diperuntukkan oleh Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1930 iaitu sebanyak 48 jam seminggu. Mana-mana kerja yang melepasi had masa yang diperuntukkan oleh ILO dianggap sebagai terbeban.

Isu-Isu Berkaitan Beban Tugas Guru

Secara amnya kita mengetahui bahawa tugas rutin guru adalah mengajar dan mendidik murid-murid untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Sebaliknya tugas guru kini telah dipelbagaikan daripada tugas akademik sama ada tugas rutin atau berkala dan tugas bukan akademik seperti memastikan keceriaan kelas, merekod kehadiran murid, melatih murid dalam sukan dan banyak lagi. Isu mengenai beban tugas guru ini sering diperkatakan oleh pelbagai pihak termasuklah kesatuan guru, tetapi tiada tindakan susulan yang agresif diambil oleh pihak berwajib bagi menangani masalah ini. Pada tahun 2005, kerajaan pernah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Beban Tugas Guru (JMBTG) bagi menangani masalah ini, tetapi laporan jawatankuasa itu hanya tinggal laporan sahaja, kerana pada hari ini isu mengenai beban tugas guru masih hangat diperkatakan. Antaranya ialah:

Guru Terbeban Bertugas 74 Jam Seminggu

Guru-guru di Selangor, Johor, Melaka dan Kuala Lumpur dikategorikan sebagai 'guru terbeban' memandangkan mereka terpaksa mengambil masa 74 jam seminggu untuk menjalankan tugas termasuk 50.4 jam atau 68 peratus berkaitan kurikulum. Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pengkelasan itu dibuat oleh Jawatankuasa Menangani Beban Tugas Guru berdasarkan resolusi yang dipersetujui pada Persidangan Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) 1930. Mengikut resolusi itu, guru-guru yang bertugas lebih 48 jam seminggu termasuk dalam tugas perancangan, persediaan, penilaian, penyediaan kurikulum dan perhubungan, dikategorikan sebagai terbeban.

Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang itu ditubuhkan pada Februari 2005 ekoran saranan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya tugas teras guru sebagai pendidik dikaji semula. NUTP berpendapat, guru-guru di negara ini terpaksa berdepan dengan tugas-tugas pentadbiran termasuk mengisi borang, pendaftaran dan penyeliaan sekolah. Menurutnya, kerja-kerja di luar tugas mengajar dan tidak ada kaitan dengan kegiatan kurikulum serta kokurikulum akan diagihkan kepada kakitangan bukan guru di setiap sekolah (Berita Harian, 2005).

Tugas Guru : NUTP Gariskan Beban Tanggungan

Selain pembelajaran di bilik darjah, guru-guru juga bertanggungjawab terhadap keselamatan para pelajar sekolah. Keadaan guru yang terpaksa mengisi 23 borang berkaitan disiplin merupakan salah satu beban tugas guru

yang dilaporkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP). Laporan itu yang dimuatkan dalam buku Pandangan dan Syor NUTP Beban Guru 2005 menggariskan secara terperinci beban tugas yang terpaksa ditanggung oleh golongan guru sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Selain mengisi borang berkenaan, seorang guru perlu mengisi kira-kira 100 sehingga 600 helai borang untuk mata pelajaran setiap kali penilaian Laporan Adab Belajar (LAB). Ini tidak termasuk menguruskan 11 fail yang berkaitan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

Lebih mengecewakan, dalam bidang pentadbiran pula seorang guru perlu menulis buku rekod kedatangan pelajar kerana ia tidak boleh menggunakan cetakan komputer semata-mata kerana pihak audit tidak menerima dokumen cetakan komputer. Ini menyebabkan semua urusan rekod peribadi pelajar terpaksa ditulis berkali-kali dan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada guru kelas.

Dalam bidang kokurikulum pula, banyak guru yang terpaksa terlibat dalam aktiviti luar yang menjejaskan mutu dan kualiti kerja malah ada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang menganjurkan 30 aktiviti dalam tempoh sebulan.

Sementara itu dalam buku tersebut NUTP menggariskan beban tugas guru, selain mengajar, kepada lima bahagian iaitu:

- i. Urusan Data, Fail, Buku Rekod dan Laporan. Merangkumi pemprosesan maklumat guru/pelajar sekolah, SPBT/stok mata pelajaran/bengkel, penilaian kerja kursus mata pelajaran untuk SPM/STPM/PMR, Penilaian Lisan Berasaskan Sekolah (PBLS), Buku Nilam Sekolah, LAB, Baitulmal/biasiswa, laporan guru bertugas,

urusan disiplin pelajar, urusan pusat sumber, program khas dari jemaah nazir dan buku rekod kerja sekolah.

- ii. Bidang Pentadbiran. Menjadi pegawai pinjaman di JPN dan PPD, pengurusan pentadbiran, kutipan yuran dan pelbagai, guru khas.
- iii. Kurikulum. Merangkumi jenis peperiksaan, program-program sekolah/JPN/Kementerian Pelajaran, kertas kerja kajian tindakan, panitia, mata pelajaran, pentaksiran ULBS, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).
- iv. Kokurikulum. Merangkumi aspek keselamatan dan perlindungan guru dan pelajar.
- v. Hal Ehwal Murid (HEM)

Kaji selidik itu yang membahagikan beban tugas kepada lima bidang itu membuktikan guru turut bertindak sebagai kerani, setiausaha, bendahari, jurujual, jurutaip dan juruhias. (Utusan Malaysia, 2005)

Guru Guna 66.24 Jam Seminggu Mendidik

Seorang guru di negara ini menggunakan purata 66.24 jam seminggu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik. Kajian Jawatankuasa Mengkaji Tugas dan Tanggungjawab Guru (TTG) yang dilakukan sejak setahun lalu menunjukkan, jumlah itu melebihi purata jam seorang pekerja yang disarankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) iaitu 45 jam seminggu. Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, jumlah tersebut meliputi tugas yang dilaksanakan di sekolah dan luar sekolah, dalam waktu persekolahan dan di luar waktu persekolahan.

Menurut beliau ini merangkumi sembilan bidang tugas dan tanggungjawab iaitu kurikulum, kokurikulum, hubungan komuniti, pembangunan staf, pembangunan fizikal, pejabat dan pentadbiran, kewangan, hal ehwal murid dan pengurusan asrama. Kajian juga mendapati penggunaan masa guru yang amat tinggi telah memberi kesan terhadap kualiti pelaksanaan tugas dan tanggungjawab utama para guru khususnya dalam bidang kurikulum selain membawa pelbagai kesan sampingan lain (Utusan Malaysia, 2007).

Kementerian Perlu Lantik Pembantu Guru Selesaikan Tugas Perkeranian

Tanggungjawab hakiki guru adalah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan sempurna, bagaimanapun perkhidmatan mereka dikatakan terjejas kerana sebahagian masa digunakan untuk menyelesaikan tugas perkeranian. Berikutan itu, pelbagai cadangan dikemukakan bagi mengatasi masalah itu, antaranya meminta kementerian mewujudkan jawatan pembantu guru, antara lain bertanggungjawab membantu tugas guru dalam bilik darjah. Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat, Mohamed Sabri Mohd Arshad berkata, 25 persatuan dan kesatuan guru pernah berbincang mengenai cadangan itu dengan Kementerian Pelajaran. Bekas Timbalan Menteri Pelajaran, Allahyarham Datuk Razali Ismail menyatakan jawatan pembantu guru akan dipertimbangkan, namun selepas pemergian beliau, ia seolah-olah tiada kesinambungan dan kami masih menunggu jawapan hingga kini (Berita harian, 2009).

Tugas Tambahan Jejas Keupayaan Guru

Penambahan jawatan staf sokongan amat penting untuk beri fokus membantu tugas dan pengajaran guru. Awal tahun, hari sukan, hari kokurikulum, mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), hari terbuka, musim peperiksaan, pertandingan peringkat daerah dan negeri, minggu suai kenal serta banyak lagi beban kerja yang selama ini terpaksa ditanggung guru sehingga sering kali memberi tekanan kepada mereka. Jengoklah ke mana-mana sekolah, atau tanyalah kepada mana-mana guru pun, pasti keluhan dan rungutan yang akan kedengaran mengenai tumpuan tugas mereka yang semakin hari semakin membebankan. Itulah gambaran yang sewajarnya dilihat bagi menceritakan betapa guru kini tidak seperti guru pada satu zaman sebelum ini yang dihormati atas kredibiliti sebagai guru yang tegas dalam menyampaikan pengajaran serta cukup disegani atas kedudukan sebagai gedung ilmu. (Berita Harian, 2009)

Jawatankuasa Khas Akan Ditubuhkan Bagi Mengkaji Beban Tugas Guru

Jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji beban tugas berlebihan yang ditanggung guru sekolah di seluruh negara. Menurut Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran, kerajaan memandang serius masalah itu yang dikhuatiri menjejaskan prestasi guru terbabit dan pencapaian pelajar untuk jangka masa panjang. Jawatankuasa itu akan menentukan sama ada beban ditanggung itu adalah beban berlebihan atau tanggungjawab guru, kepada pemberita selepas pertemuan dengan wakil Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di bangunan Parlimen

di sini hari ini. Jawatankuasa itu diketuai oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom akan dianggotai wakil beberapa pertubuhan terbabit, antaranya NUTP selain diberikan tempoh dua bulan untuk mengemukakan cadangan menangani masalah beban tugas guru itu (Berita Harian, 2010).

Tugas Guru Bertambah Akibat Banyak Arahan

Kesatuan perkhidmatan Perguruan kebangsaan (NUTP) mendedahkan guru menanggung beban kerja berganda akibat wujudnya arahan dalam arahan yang mana mereka terpaksa melakukan tugas dalam skop sama berulang kali atas arahan pihak atasan pada peringkat berbeza. Menurut Setiausaha Agung NUTP Lok Yim Pheng, apabila kementerian pelajaran mengeluarkan pekeliling yang mengarahkan guru melakukan program tertentu, namun pada masa yang sama mereka dikehendaki menjalankan program seumpamanya atas arahan pentadbiran pada peringkat Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) atau Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) walaupun mengandungi pengisian yang hampir sama hingga berlaku pembaziran masa dan menjejaskan tanggungjawab guru dalam pengajaran dan pembelajaran (Berita Harian, 2010).

Konsep dan Definisi Kepuasan Kerja

Kepuasan kerja sangat penting dalam sesebuah organisasi. Sejak tahun 1930-an lagi kepuasan kerja merupakan satu konsep yang sering dikaji secara meluas dalam sains organisasi kerana kepuasan kerja melahirkan perasaan gembira dan mendorong

pekerja berkelakuan positif dan lebih produktif. Locke (1976) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai hasil daripada interaksi seseorang dengan persekitarannya, iaitu hasil daripada pelbagai sikap yang dipegang oleh pekerja terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan kerja dan kehidupan keseluruhannya (Nadler & Lawler, 1991). Kepuasan kerja adalah konsep yang sering kali di salah tafsirkan. Secara umum kepuasan dan ketidakpuasan bermaksud produk perilaku dan tindakan yang jelas dalam keadaan persekitaran tertentu (Fritzche & Parrish, 2005). Maksud kepuasan kerja adalah berbagai-bagai, daripada perasaan seseorang pekerja mengenai pekerjaannya. Cranny (1992) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai tindak balas yang mempengaruhi kerja yang mana keputusannya hendaklah dibandingkan dengan hasil sebenar dan yang diinginkan.

Daripada definisi yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas mengenai kepuasan kerja, dapatlah disimpulkan bahawa kepuasan kerja adalah tindak balas emosi dan fizikal terhadap situasi pekerjaan yang berkaitan dengan sikap dan perasaan seseorang terhadap kerjanya dan hubungan dengan apa yang diharapkan dengan apa yang sebenar mereka akan perolehi.

Kajian Kepuasan Kerja Dalam Negara

Dari pencarian maklumat yang dilakukan didapati tidak banyak kajian mengenai kepuasan kerja dilakukan oleh golongan professional tertentu, tetapi banyak tesis kajian mengenai kepuasan kerja dilakukan oleh pelajar bagi mendapatkan ijazah sarjana di universiti tempatan.

Dalam kajian yang dibuat di kalangan pensyarah Akademi Pengajian Islam (API) dan Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL) Universiti Malaya didapati secara keseluruhannya tahap kepuasan kerja pensyarah di kedua-dua tempat kajian adalah

tinggi dan mereka berbangga dengan kerja mereka dan tiada keinginan untuk berhenti kerja. Berbeza dengan kajian yang dilakukan pada tahun 2005 di tempat yang sama di mana lebih separuh daripada pensyarah berkeinginan untuk berhenti kerja (Ilhaamie, 2005). Tahap kepuasan kerja adalah penting kerana pekerja yang tidak berpuas hati merupakan pekerja yang tidak bermotivasi untuk melakukan pekerjaan mereka yang boleh menyebabkan produktiviti menurun.

Kajian Kepuasan Kerja Luar Negara

Kajian yang dibuat di Kansas USA mendapati guru lelaki mendapat lebih kepuasan berbanding wanita dalam kerja. Keputusan juga menunjukkan bangsa, kelayakan akademik, lesen mengajar, status sosio ekonomi, tahap pendidikan ibu bapa dan pekerjaan ibu sebagai guru mempengaruhi kepuasan kerja (Cheng, Ellsworth, & Hawley, 2008) Dapatan kajian secara amnya menunjukkan 92% guru puas dalam kerja mereka dan dapatan kajian ini adalah bersamaan dengan kajian yang dibuat oleh National Gallop Poll Survey (Fritzsche & Parrish, 2005). Kajian juga mendapati kaum *African American* kurang mengalami kepuasan dalam kerja mereka. Guru yang berlesen juga menunjukkan kepuasan dalam kerja, berbanding dengan guru yang tidak berlesen. Pelajar yang bercita-cita untuk menjadi guru juga menunjukkan kepuasan dalam kerja apabila mereka telah menjadi guru.

Teori Berkaitan Kepuasan Kerja

Untuk memahami apakah perkara yang mendorong seseorang pekerja itu bekerja dengan baik dan produktif bagi mencapai sasaran dan kepuasan kerja mereka adalah perlu diuraikan teori-teori yang berkaitan dengannya. Beberapa teori mengenai

kepuasan kerja ialah Teori Perbezaan (Locke, 1969), Teori Keadilan (Mowday, 1992) dan Teori Motivasi dan Kebersihan (Herzberg, Mausner & Snyderman, 1969).

Teori Perbezaan Locke (1969)

Teori Perbezaan Locke (1969) menyatakan bahawa kepuasan kerja wujud apabila seseorang itu menerima setakat mana hasil kerja dengan apa yang mereka kehendaki. Apabila seseorang menerima hasil yang mereka nilai mereka akan berasa sangat puas hati, sebaliknya jika mereka menerima kurang daripada apa yang sepatutnya mereka akan berasa tidak berpuas hati. Teori Perbezaan Locke seperti yang dijelaskan oleh Lawler (1973) menerangkan perbezaan keputusan di antara matlamat sebenar yang diterima oleh seseorang dengan keputusan yang diharapkan di lain-lain peringkat. Perbandingan yang mana matlamat yang sebenar adalah rendah berbanding matlamat yang diharapkan menyebabkan ketidakpuasan (Lawler, 1973).

Teori Keadilan Mowday (1992)

Input dan hasil adalah merangkumi dalam Teori Keadilan Mowday (1992). Pekerja menilai input dan keputusan dengan membandingkan mereka dengan input dan keputusan orang lain. Keadilan akan wujud jika nisbah kemasukan untuk keputusan sama dengan masukan dan hasil yang diperolehi oleh individu lain.

Teori Motivasi Kebersihan Herzberg (1959)

Teori Motivasi dan Kebersihan telah menggalakkan dan mempengaruhi kajian tentang kepuasan kerja. Mengikut teori Motivasi-Kebersihan (Herzberg, Mausner & Snyderman, 1959), pekerjaan mempunyai faktor-faktor tertentu yang berkaitan dengan

kepuasan dan ketidakpuasan. Terdapat lima faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memudahkan kepuasan kerja yaitu prestasi, penghargaan, pekerjaan itu sendiri, tanggungjawab dan kemajuan. Lima faktor yang dikenalpasti oleh Herzberg et al. (1959) sebagai penentu ketidakpuasan kerja ialah dasar dan pentadbiran, penyeliaan, gaji, hubungan interpersonal dan keadaan bekerja.


Kajian lanjut telah dilakukan oleh Bowen (1980) mengenai teori Motivasi-Kebersihan Herzberg. Berikut adalah dapatan mengenai faktor motivasi dan kebersihan mengikut kajian mereka.

- i. Pengiktirafan
- ii. Pencapaian
- iii. Kemungkinan perkembangan
- iv. Kemajuan
- v. Gaji
- vi. Hubungan interpersonal
- vii. Penyeliaan tanggungjawab
- viii. Polisi dan pentadbiran
- ix. Keadaan kerja
- x. Kerja itu sendiri

Herzberg, Mausner dan Snyderman (1959) menamakan faktor kepuasan ialah motivasi iaitu pencapaian, pengiktirafan, keadaan kerja, tanggungjawab dan kemajuan, manakala faktor ketidakpuasan ialah kebersihan iaitu polisi dan pentadbiran, penyeliaan, gaji, hubungan interpersonal dan keadaan tempat kerja.

Herzberg (1959) lebih menekankan kerja sebagai perkara yang mempunyai potensi untuk menimbulkan motivasi dan kepuasan kerja daripada ahli sains yang lain. Terdapat dua faktor yang diperkenalkan oleh beliau iaitu faktor yang

menimbulkan motivasi atau kepuasan kerja yang merupakan faktor perangsang dan dikenali juga sebagai motivasi dalaman, dan faktor kesihatan yang dikenali juga sebagai motivasi luaran luaran atau konteks pekerjaan yang boleh diterangkan seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2. Teori Dua Faktor Herzberg. Sumber: Hoy, W.K., & Miskel, C.G (2005) ms.117

Rajah 2 menunjukkan teori motivasi-kebersihan Herzberg yang menyatakan persekitaran kerja yang positif dikuasai oleh kemahuan untuk peningkatan, pekerjaan yang mencabar, tanggungjawab dan kenaikan pangkat, manakala persekitaran kerja yang negatif dikuasai oleh hubungan interpersonal dengan ketua dan rakan sekerja, pengawalan teknikal, polisi dan pentadbiran sesuatu organisasi, keadaan tempat kerja, gaji dan kehidupan peribadi. Kesimpulannya adalah kemunculan sesuatu faktor dalam

pekerjaan adalah untuk meningkatkan kepuasan kerja, tetapi ketiadaan faktor tersebut tidak semestinya memberi kepuasan kerja.

Kepuasan dan ketidakpuasan kerja boleh diterangkan dengan menggunakan faktor motivasi dan faktor kebersihan. Faktor motivasi boleh menghasilkan kepuasan dan faktor kebersihan boleh menghasilkan ketidakpuasan. Kepuasan dan ketidakpuasan bukan merupakan faktor yang bertentangan tetapi dari dimensi yang berlainan. Oleh itu pihak pengurusan mestilah mengenal pasti faktor-faktor tersebut kerana dapat menjadikan pekerjaan mengajar lebih menarik di samping mengeneikan aspek yang boleh membawa ketidakpuasan kerja. Kedua-dua faktor motivasi dan kebersihan adalah penting tetapi untuk perkara yang berbeza. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa idea Herzberg ini dapat membantu pekerja memuaskan keperluan mereka melalui pekerjaan dan dapat membantu organisasi untuk melahirkan pekerja yang produktif bagi mencapai matlamat mereka di mana organisasi akan berusaha untuk memastikan pekerjaan di tempat mereka lebih memuaskan dan memberi lebih ganjaran kepada pekerja.

Rumusan

Sebagai rumusan, bab ini menghuraikan tentang konsep dan definisi beban tugas, kajian mengenai beban tugas dalam dan luar negara, isu-isu berkaitan beban tugas guru, konsep dan definisi kepuasan kerja, teori berkaitan kepuasan kerja dan kajian mengenai kepuasan kerja dalam dan luar negara.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Dalam bab ini akan dibincangkan cara-cara yang diaplikasikan dalam menjalankan kajian. Ini merangkumi reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan dan penganalisan data dan kajian rintis. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap beban tugas dan tahap kepuasan kerja guru serta hubungan antara beban tugas dan kepuasan kerja. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan keseluruhan kajian dilaksanakan secara tinjauan. Data soal selidik telah diproses dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Reka Bentuk Kajian

Matlamat utama kajian adalah untuk mengetahui adakah terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja. Untuk mencapai tujuan ini penyelidik akan menggunakan pendekatan kajian Korelasi Pearson dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik. Bagi menghubungkan antara pembolehubah-pembolehubah kajian ini, data terpiawai daripada soal selidik yang menggunakan skala lima markat digunakan. Kaedah tinjauan adalah lebih praktikal apabila soal selidik terpiawai diberikan kepada responden yang ramai (Mohd Majid, 1990).

Kajian ini melibatkan penggunaan instrumen untuk mengutip data. Tinjauan dilakukan terhadap beban tugas guru dan kepuasan kerja guru. Kajian ini melibatkan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu beban tugas guru dengan dimensinya iaitu pengajaran dalam bilik darjah, kokurikulum, kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, perkeranian dan, tugas khas dan luar sekolah, manakala kepuasan kerja guru sebagai pemboleh ubah bersandar.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Lokasi kajian ialah di dua buah sekolah rendah di kawasan PKG Ketereh iaitu Sekolah Kebangsaan Ketereh dan Sekolah Kebangsaan Kok Lanas. Rasional pemilihan sekolah ini ialah kerana kedua-duanya terletak di pekan Ketereh dan pekan Kok Lanas yang merupakan sekolah tumpuan utama ibu bapa yang mempunyai pelbagai status sosio ekonomi. Sampel kajian ini hanya melibatkan guru-guru terlatih sahaja iaitu guru siswazah dan bukan siswazah. Guru yang dipilih sebagai sampel ialah seramai 105 orang dari keseluruhan populasi di kedua-dua buah sekolah iaitu seramai 140 orang. Pemilihan saiz sampel ini dibuat berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah melalui soal selidik yang diubah suai daripada instrumen yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mengenal pasti mengenai tahap beban tugas dan kepuasan kerja guru. Instrumen tentang beban tugas diadaptasi daripada kajian peringkat sarjana yang dilakukan oleh Shukri (1998), manakala kepuasan kerja menggunakan instrumen *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ) oleh Weiss et al. (1967) dan *Job Descriptive Index* (JDI) oleh

Smith et al. (1975) yang diadaptasi dari kajian oleh Bahari (1997), mengikut keperluan dan kesesuaian untuk kajian di sekolah terbabit.

Borang soal selidik pula terbahagi kepada empat bahagian, iaitu bahagian A,B,C dan D. Bahagian A mengandungi item mengenai beban tugas guru secara umum, bahagian B mengandungi item-item mengenai tugas-tugas guru di sekolah iaitu pengajaran dalam bilik darjah (9 item), kokurikulum (3 item), kebajikan pelajar (3 item), pengurusan dan penyeliaan (7 item), perkeranian (8 item) dan tugas-tugas khas (3 item). Bahagian C pula mengandungi item mengenai kepuasan kerja (16 item), manakala bahagian D mengandungi maklumat latar belakang responden seperti jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan.

Instrumen pertama ialah instrumen untuk mengukur beban tugas guru. Instrumen ini adalah diubahsuai dari kajian yang dibuat Shukri (1998) dan diletakkan di bahagian A dan B. Instrumen ini menggunakan pengukuran Skala Likert 1 hingga 5 (skala 1 = tidak terbeban, 2 = sedikit terbeban, 3 = sederhana terbeban, 4 = sangat terbeban, 5 = terlalu terbeban).

Instrumen kedua ialah instrumen yang mengukur kepuasan kerja guru. Instrumen ini diletakkan di bahagian C. Instrumen ini diambil daripada *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ) dan *Job Descriptive Index* (JDI) yang diadaptasi dari kajian Bahari (1997). Instrumen ini mengandungi 16 item dengan skala 1 hingga 5, di mana (Skala 1 =sangat tidak puas hati, 2 = puas hati, 3 = kadang-kadang puas, kadang kadang tidak, 4 = puas hati, 5 = sangat puas hati). Responden adalah diminta untuk menanda mengikut Skala Likert yang diberikan mengikut kesesuaian yang mereka pilih.

Kajian Rintis

Penyelidik telah membuat kajian rintis ke atas 30 orang guru di Sekolah Kebangsaan Banggol Saman, Ketereh, yang tidak terlibat dalam kajian ini. Tujuan kajian rintis dibuat adalah untuk mendapatkan kebolehpercayaan item bagi menentukan sama ada instrumen yang akan digunakan bersesuaian atau tidak sebelum kajian sebenar dibuat. Untuk analisis kebolehpercayaan instrument, keputusan analisis adalah menggunakan Cronbach's Alpha dengan nilai antara 0 hingga 1.0. Pekali Alpha yang menghampiri angka satu menunjukkan item itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah dan 0.7 boleh diterima, sementara nilai yang melebihi 0.8 adalah baik, semakin hampir nilai alpha kepada 1.0 adalah lebih baik (Sekaran, 1992).

Selepas semakan dan analisis terhadap 30 responden berkenaan, didapati instrumen ini amat sesuai digunakan memandangkan kebolehpercayaan tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Pembolehubah (N=30)

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach's
Beban Tugas Guru	0.965
Kepuasan Kerja Guru	0.816

Dalam kajian rintis yang dibuat nilai Alpha Cronbach's bagi keseluruhan instrumen beban tugas ialah 0.965 manakala kepuasan kerja guru ialah 0.816.

Jadual 3.2 pula menunjukkan pecahan kebolehpercayaan instrumen mengikut dimensi beban tugas.

Jadual 3.2

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Mengikut Pecahan Dimensi Beban Tugas

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach's
Pengajaran Dalam Bilik Darjah	0.90
Kokurikulum	0.83
Kebajikan Pelajar	0.75
Pengurusan dan Penyeliaan	0.86
Perkeranian	0.92
Tugas khas dan Luar Sekolah	0.73

Nilai Alpha Cronbach's bagi kesemua dimensi beban tugas adalah melebihi 0.70. Ini menunjukkan soal selidik yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan amat sesuai digunakan untuk penyelidikan, maka penyelidik mencetak dan mengedarkan kepada responden.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kutipan data sebenar dilakukan, penyelidik terlebih dahulu telah membuat permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN). Proses ini dilakukan kerana setiap penyelidikan yang melibatkan sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Pelajaran Malaysia, memerlukan penyelidik mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pihak berkuasa berkenaan.

Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada guru besar sekolah-sekolah berkenaan bagi menjalankan penyelidikan. Penyelidik telah memberikan taklimat ringkas tentang responden kepada guru besar untuk diberikan soal selidik kepada responden yang dipilih. Penyelidik telah memberikan sebanyak 105 borang borang soal selidik kepada guru besar untuk dijawab oleh responden dan kesemua soal selidik tersebut dipulangkan kepada penyelidik.

Prosedur Menganalisis Data

Borang soal selidik yang dihantar akan disemak sebelum dianalisis menggunakan komputer. Data akan diproses menggunakan perisian *Statistical Program for Social Sciences for Windows (SPSS) version 12*. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi menunjukkan komposisi responden berdasarkan maklumat peribadi seperti jantina, pengalaman mengajar dan taraf pendidikan. Statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Data dianalisis menggunakan Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis-hipotesis sama ada terdapat hubungan (positif atau negatif) di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Bagi memastikan hipotesis nol diterima atau ditolak aras signifikan yang ditetapkan untuk kajian ini ialah 0.05.

Analisis kajian akan dibuat berdasarkan soalan dan hipotesis kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap beban tugas dalam kalangan guru di sekolah yang dikaji?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja?

- iii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap beban tugas guru dengan kepuasan kerja
- iv. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengajaran dalam bilik darjah dengan kepuasan kerja
- v. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kokurikulum dengan kepuasan kerja
- vi. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kebajikan pelajar dengan kepuasan kerja
- vii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengurusan dan penyeliaan dengan kepuasan kerja
- viii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas perkeranian dengan kepuasan kerja
- ix. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas khas dan luar sekolah dengan kepuasan kerja

Rumusan

Bab ini menghuraikan tentang reka bentuk kajian, populasi dan pensampalan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kajian rintis dan prosedur menganalisis data. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Kaedah tinjauan dijalankan untuk mengenal pasti tahap beban tugas guru, kepuasan kerja guru serta hubungan antara beban tugas dengan kepuasan kerja. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif, inferensi dan Korelasi Pearson.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages For the Social Sciences (SPSS) Version 12* dan hasilnya dikemukakan dalam bab ini.

Analisis data terbahagi kepada analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif melibatkan demografi responden manakala analisis statistik inferensi adalah untuk menguji setiap hipotesis dalam kajian ini. Analisis dijalankan ke atas setiap hipotesis dalam kajian ini dan hasilnya akan menentukan hipotesis nol diterima atau ditolak.

Profil Responden

Responden

Sampel kajian dipilih secara rawak dalam kalangan guru dari dua sekolah berkenaan. Daripada 143 orang guru, seramai 105 dipilih sebagai responden (Krejcie & Morgan, 1970) selepas kajian rintis dijalankan pada Ogos 2010.

Jadual 4.1
Bilangan Responden Mengikut Sekolah (N=105)

Bil	Sekolah	Bilangan Responden	Peratus
1	SK. Kok Lanas	65	62
2	SK. Ketereh	40	38
	Jumlah	105	100

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut sekolah yang dikaji. Daripada 105 responden 65 orang dari SK. Kok Lanas iaitu 61.9% dan 40 orang dari SK. Ketereh iaitu 38.1%.

Jadual 4.2
Bilangan dan Peratus Responden mengikut Jantina (N=105)

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	34	32.4
Perempuan	71	67.6
Jumlah	105	100

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada 105 responden dalam kajian ini guru lelaki adalah seramai 34 orang iaitu 32.4%, manakala guru perempuan adalah seramai 71 orang iaitu 67.6%

Kelulusan

Jadual 4.3

Bilangan dan Peratus responden Mengikut Kelulusan (N=105)

Kelulusan	Bilangan	Peratus
Siswazah	48	45.7
Bukan siswazah	57	54.3
Jumlah	105	100

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan. Daripada 105 responden dalam kajian ini 48 orang adalah guru siswazah iaitu 45.7% dan 57 orang adalah guru bukan siswazah iaitu 54.3%.

Pengalaman Mengajar

Jadual 4.4

Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratus
1 - 5 tahun	8	7.6
6 - 10 tahun	13	12.4
11 – 15 tahun	37	35.2
16 – 20 tahun	22	21.0
21 tahun ke atas	25	23.8
Jumlah	105	100

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman mengajar. Kebanyakan responden telah berkhidmat melebihi 10 tahun iaitu 80%, hanya 20% sahaja responden yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun.

Profil Alat Ukur

Jadual 4.5
Taburan Penentuan Tahap Min

Min	Tafsiran
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Jadual 4.5 menunjukkan taburan penentuan tahap min bagi menghuraikan keseluruhan tahap beban tugas dan kepuasan kerja. Jumlah keseluruhan min dikira dan dibahagikan dengan jumlah item untuk menghasilkan min keseluruhan.

Jadual 4.6

Min dan Sisih Piawai Setiap Dimensi Beban Tugas dan Kepuasan Kerja

Dimensi	Min	Sisih Piawai	Tahap
Beban Tugas Keseluruhan	2.75	1.12	Sederhana
Pengajaran Dalam Kelas	1.20	0.70	Sangat Rendah
Kokurikulum	2.73	0.82	Sederhana
Kebajikan Pelajar	2.30	0.82	Rendah
Pengurusan dan Penyeliaan	2.37	0.76	Rendah
Perkeranian	2.44	0.82	Rendah
Tugas Khas dan Luar	2.78	0.94	Sederhana
Kepuasan Kerja Keseluruhan	3.55	0.51	Tinggi

Jadual 4.6 menunjukkan skor min bagi beban tugas secara keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana, iaitu min = 2.75 (SP = 1.12) manakala skor min bagi kepuasan kerja adalah berada di tahap tinggi, iaitu min = 3.55 (SP = 0.51). Skor min yang ditunjukkan bagi tahap pengajaran dalam bilik darjah adalah sangat rendah, manakala tugas kokurikulum dan, tugas khas dan luar berada ditahap sederhana. Bagi tugas kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, dan perkeranian berada ditahap rendah.

Pengujian Hipotesis

Saiz korelasi mengikut Hinkle, Wiersma dan Jurs (1998)

Jadual 4.7

Saiz Korelasi

Nilai Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.90 – 1.00	Sangat Tinggi
0.70 – 0.90	Tinggi
0.50 – 0.70	Sederhana
0.30 – 0.50	Rendah
0.01 – 0.30	Lemah
0	Tiada Hubungan

**H_0 1: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Beban Tugas
Dengan Tahap Kepuasan Kerja**

Jadual 4.8

Korelasi Pearson antara Tahap Beban Tugas dengan Tahap Kepuasan Kerja

Tahap Kepuasan Kerja	
Tahap Beban Tugas	- 0.30
Sig.	0.002**

****Signifikan pada aras .01**

Berdasarkan Jadual 4.8 tahap beban tugas mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.30$, $p < .01$) secara statistik dengan tahap kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_0 . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap beban tugas semakin rendah tahap kepuasan kerja.

Tahap beban tugas menunjukkan hubungan yang lemah iaitu -0.30 terhadap tahap kepuasan kerja.

H_0 2: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Pengajaran Dalam Bilik Darjah Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.9

Korelasi Pearson antara Beban Tugas dalam Bilik Darjah dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Tugas dalam Bilik Darjah	- 0.30
Sig.	0.002**

**Signifikan pada aras .01

Berdasarkan Jadual 4.9 tugas dalam bilik darjah mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.30$, $p < .01$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_0 . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi beban tugas dalam bilik darjah semakin rendah kepuasan kerja. Tugas dalam bilik darjah menunjukkan hubungan yang lemah iaitu 0.30 terhadap kepuasan kerja.

H_{o3} : Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Kokurikulum Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.10

Korelasi Pearson antara Tugas Kokurikulum dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Tugas Kokurikulum	- 0.30
Sig.	0.002**

**Signifikan pada aras .01

Berdasarkan Jadual 4.10 tugas kokurikulum mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.30$, $p < .01$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_o Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi beban tugas kokurikulum semakin rendah kepuasan kerja. Tugas kokurikulum menunjukkan hubungan yang lemah iaitu 0.30 terhadap kepuasan kerja.

H_{o4} : Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Kebajikan Pelajar Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.11

Korelasi Pearson antara Kebajikan Pelajar dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Kebajikan Pelajar	- 0.25
Sig.	0.01*

*Signifikan pada aras .05

Berdasarkan Jadual 4.11 tugas kebajikan pelajar mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.25$, $p < .05$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan

kajian ini berjaya menolak H_0 . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi beban tugas kebajikan pelajar semakin rendah kepuasan kerja. Tugas kebajikan pelajar menunjukkan hubungan yang lemah iaitu 0.25 terhadap kepuasan kerja.

H_{05} : Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Pengurusan dan Penyeliaan Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.12

Korelasi Pearson antara pengurusan dan penyeliaan dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Pengurusan dan Penyeliaan	- 0.25
Sig.	0.01*

*Signifikan pada aras .05

Berdasarkan Jadual 4.12 tugas kebajikan pelajar mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.25$, $p < .05$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_0 . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi beban tugas pengurusan dan penyeliaan semakin rendah kepuasan kerja. Tugas pengurusan dan penyeliaan menunjukkan hubungan yang lemah iaitu 0.25 terhadap kepuasan kerja.

H_{o6} : Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Perkeranian dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.13

Korelasi Pearson Antara Perkeranian Dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Perkeranian	- 0.28
Sig.	0.003**

**Signifikan pada aras .01

Berdasarkan Jadual 4.13 tugas perkeranian mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.28$, $p < .01$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_o . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan bahawa semakin tinggi tugas perkeranian semakin rendah kepuasan kerja. Tugas perkeranian menunjukkan hubungan yang lemah iaitu 0.28 terhadap kepuasan kerja.

H_{o7} : Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Khas dan Luar Dengan Kepuasan Kerja

Jadual 4.14

Korelasi Pearson Antara Tugas Khas dan Luar Dengan Kepuasan Kerja

	Kepuasan Kerja
Khas dan Luar	- 0.32
Sig.	0.001**

**Signifikan pada aras .01

Berdasarkan Jadual 4.14 tugas khas dan luar mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -0.32$, $p < .01$) secara statistik dengan kepuasan kerja. Keputusan kajian ini berjaya menolak H_o . Hubungan negatif yang signifikan menunjukkan

bahawa semakin tinggi tugas khas dan luar semakin rendah kepuasan kerja. Tugas khas dan luar menunjukkan hubungan yang rendah yaitu 0.32 terhadap kepuasan kerja.

Rumusan

Berdasarkan statistik deskriptif dan pengujian hipotesis yang dijalankan, kajian ini mendapati tahap beban tugas guru di sekolah kawasan PKG Keteroh berada pada tahap sederhana, manakala tahap kepuasan kerja mereka adalah pada tahap tinggi. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tugas guru dalam bilik darjah, kokurikulum, kebajikan pelajar, pengurusan dan penyeliaan, perkeranian dan tugas khas dengan kepuasan kerja.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pendahuluan

Bab ini mengandungi ringkasan kajian, perbincangan, kesimpulan, implikasi kajian, cadangan kajian akan datang dan penutup. Perbincangan selanjutnya dibuat di dalam tajuk-tajuk kecil berikutnya.

Ringkasan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja bagi guru-guru sekolah di kawasan PKG Ketereh. Sampel-sampel kajian dipilih secara rawak iaitu seramai 105 orang dalam kalangan guru di sekolah-sekolah berkenaan.

Instrumen-instrumen yang digunakan terdiri daripada instrument beban tugas guru (34 item keseluruhan) yang mengandungi enam dimensi beban tugas iaitu pengajaran dalam bilik darjah (9 item), kokurikulum (3 item), kebajikan pelajar (3 item), pengurusan dan penyeliaan (7 item), perkeranian (8 item), tugas khas dan luar sekolah (3 item) dan instrument kepuasan kerja (16 item). Sebanyak 105 set instrument diedarkan dan kesemuanya dikembalikan. Penyelidik membuat analisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 12.0*. Dapatan-dapatan yang diperolehi adalah seperti berikut:

- i. Tahap beban tugas guru adalah sederhana
- ii. Tahap kepuasan kerja guru adalah tinggi
- iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan kepuasan kerja
- iv. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengajaran dalam bilik darjah dengan kepuasan kerja.
- v. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kokurikulum dengan kepuasan kerja
- vi. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kebajikan pelajar dengan kepuasan kerja
- vii. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengurusan dan penyeliaan dengan kepuasan kerja
- viii. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas perkeranian dengan kepuasan kerja
- ix. Terdapat hubungan yang signifikan antara tugas khas dan luar dengan kepuasan kerja

Perbincangan

Apakah Tahap Beban Tugas Dalam Kalangan Guru di Sekolah Yang Dikaji ?

Hasil daripada analisis kajian mengenai beban tugas, dapatan menunjukkan 15.2% guru dalam kawasan PKG Ketereh tidak terbeban, 30.5% sedikit terbeban, 21% sederhana terbeban, 31.4% sangat terbeban dan 1.9% terlalu terbeban dalam menjalankan tugas yang mereka. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini mendapati tahap beban tugas dalam kalangan guru di kawasan PKG Ketereh berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji di dalam dan luar negara yang kebanyakannya menunjukkan beban tugas guru adalah tinggi. Kajian yang dibuat oleh Shukor et al. (2006), yang mendapati beban tugas guru adalah tinggi. Begitu juga kajian yang dibuat Raykov (2001) di Kanada, Price (2005) di United Kingdom dan Michigan State Universiti (2004) di Amerika Syarikat, menunjukkan beban tugas guru adalah tinggi, dengan masa bertugas melebihi 60 jam seminggu, iaitu melebihi had masa yang diperuntukkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1930 yang mana masa bekerja apabila melebihi 48 jam seminggu dianggap sebagai terbeban.

Apakah Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru di Sekolah Yang Dikaji?

Hasil daripada analisis kajian, dapatan menunjukkan sebanyak 1% guru dalam kawasan PKG Ketersih mengalami tahap kepuasan kerja yang sangat rendah, 4.9% rendah, 25% sederhana, 67.6% tinggi dan 2% sangat tinggi. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini mendapati tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru di kawasan PKG Ketersih berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru di kawasan PKG Ketersih berpuas hati dengan tugas yang diberikan kepada mereka.

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Arenawati (2002) yang mendapati tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru adalah tinggi. Sementara kajian di luar Negara mendapati kebanyakan guru menyatakan sangat puas dalam pekerjaan mereka (Hakanen, 2006; Timmas, 2007) Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Naseem dan Nazlinda (2005), Shafeq (1997) yang mendapati kepuasan kerja berada pada tahap sederhana.

Tidak Terdapat Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Kepuasan Kerja

Berdasarkan analisis yang dijalankan dalam bab sebelum ini, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan kepuasan kerja. Oleh itu hipotesis ini adalah ditolak. Dengan ini hasil kajian lalu yang mendapat keputusan bahawa beban tugas mempengaruhi kepuasan kerja adalah disokong.

Lambakan tugas guru ini bukan sahaja memberi kesan kepada perlakuan mengajar guru, malah boleh memberi tekanan dan menjejaskan tahap kepuasan kerja guru (Payne & Furnham, 1987). Beban tugas guru yang tidak berkaitan dengan tugas mengajar menyebabkan guru berasa stress, bertindak agresif dan sentiasa berasa bimbang (Friedman, 2000; Howord & Johnson, 2004). Jika hal ini menyelubungi guru-guru di sekolah, mana mungkin kualiti pendidikan akan bertambah baik. Keadaan ini boleh menjejaskan wadah negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Pengajaran Dalam Bilik Darjah Dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengajaran dalam bilik darjah dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas pengajaran dalam bilik darjah mempengaruhi kepuasan kerja dapat disokong.

Dalam kajian yang dibuat oleh Sukor et al. (2006) mendapati guru menghabiskan masa 10.21 jam sehari bagi menjalankan tugas pengajaran dalam bilik darjah (tugas akademik rutin). Ini bermakna guru terpaksa membawa pulang sebahagian daripada tugas ke rumah untuk di selesaikan. Antaranya ialah menulis buku ringkasan mengajar dan menyemak hasil kerja murid. Lambakan tugas yang

banyak ini boleh memberi tekanan dan menjejaskan tahap kepuasan kerja guru. (Pyne & Furnham, 1987)

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Kokurikulum dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kokurikulum dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Melalui ujian hipotesis yang dijalankan tugas kokurikulum mempunyai hubungan negatif sederhana yang signifikan dengan kepuasan kerja. Ini bermakna semakin banyak tugas kokurikulum, kepuasan kerja semakin menurun.

Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas kokurikulum mempengaruhi kepuasan kerja disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Zakiah (2005) yang menyatakan terdapat hubungan yang kuat antara kokurikulum dengan kepuasan kerja.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Kebajikan Pelajar dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas kebajikan pelajar dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Melalui ujian hipotesis yang dijalankan tugas kebajikan pelajar mempunyai hubungan negatif rendah yang signifikan dengan kepuasan kerja. Ini bermakna semakin sedikit tugas kebajikan pelajar, kepuasan kerja semakin meningkat. Dalam dimensi tugas kebajikan pelajar perkara yang diukur adalah mengenai disiplin pelajar, kaunseling dan perkara yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas kebajikan pelajar mempengaruhi kepuasan kerja disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Hashimah (2002) yang mendapati masalah disiplin pelajar di sekolah yang dikaji adalah rendah. Apabila tugas menjaga kebajikan pelajar berada pada tahap rendah, kepuasan kerja adalah tinggi.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Pengurusan dan Penyeliaan Dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas pengurusan dan penyeliaan dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Melalui ujian hipotesis yang dijalankan tugas pengurusan dan penyeliaan mempunyai hubungan negatif rendah yang signifikan dengan kepuasan kerja. Beban tugas pengurusan dan penyeliaan juga berada pada tahap rendah. Ini bermakna semakin sedikit tugas pengurusan dan penyeliaan, kepuasan kerja semakin meningkat.

Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas pengurusan dan penyeliaan, mempengaruhi kepuasan kerja adalah disokong. Walau bagaimanapun dapatan kajian yang perolehi oleh Shukor et al, (2006), Shukri dan Saudi (1998) mendapati tahap beban tugas pengurusan dan penyeliaan di sekolah yang dikaji adalah tinggi. Apabila tugas pengurusan dan penyeliaan berada pada tahap tinggi, kepuasan kerja adalah rendah.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Perkeranian dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas perkeranian dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Melalui ujian

hipotesis yang dijalankan tugas perkeranian mempunyai hubungan negatif rendah yang signifikan dengan kepuasan kerja. Beban tugas perkeranian juga berada pada tahap sederhana. Ini bermakna semakin sedikit tugas perkeranian, kepuasan kerja semakin meningkat.

Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas perkeranian (bukan akademik), mempengaruhi kepuasan kerja adalah disokong. Walau bagaimanapun dapatan kajian yang perolehi oleh Shukor et al, (2006), Shukri dan Saudi (1998) mendapati tahap beban tugas perkeranian di sekolah yang dikaji adalah tinggi. Apabila tugas perkeranian berada pada tahap tinggi, kepuasan kerja adalah rendah.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tugas Luar dan Khas dengan Kepuasan Kerja

Hipotesis ini yang mencadangkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tugas khas dan luar dengan kepuasan kerja juga adalah ditolak. Melalui ujian hipotesis yang dijalankan tugas pengurusan dan penyeliaan mempunyai hubungan negatif sederhana yang signifikan dengan kepuasan kerja. Beban tugas khas dan luar juga berada pada tahap sederhana. Ini bermakna semakin sedikit tugas pengurusan dan penyeliaan, kepuasan kerja semakin meningkat.

Dengan ini hasil kajian lepas yang mendapat keputusan bahawa beban tugas khas dan luar (bukan akademik), mempengaruhi kepuasan kerja adalah disokong. Walau bagaimanapun dapatan kajian yang perolehi oleh Shukor et al, (2006), Bahari (1997), Shukri dan Saudi (1998) mendapati tahap beban tugas khas dan luar di sekolah yang dikaji adalah tinggi. Apabila tugas pengurusan dan penyeliaan berada pada tahap tinggi, kepuasan kerja adalah rendah.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dapatan dari kajian ini menunjukkan tugas yang diberikan kepada guru mempunyai hubungan negatif yang mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Ini bermaksud semakin banyak beban tugas yang dipikul oleh guru semakin rendah kepuasan kerja mereka dan sebaliknya. Walaupun tugas yang diberi tidak menjejaskan perlakuan mengajar guru, namun dikhuatiri dapat menjejaskan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran serta tahap perkhidmatan sektor pendidikan akan menurun, jika masalah ini tidak ditangani dengan segera. Memandangkan dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan yang negatif antara beban tugas dengan kepuasan kerja, maka penyelidik mencadangkan supaya pihak pengurusan sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia meneliti dan mengkaji perkara-perkara berikut supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi meringankan beban tugas guru seterusnya meningkatkan kepuasan dan prestasi kerja mereka.

- i. Pihak pengurusan sekolah diharap lebih teliti dan peka terhadap pengagihan tugas (akademik dan bukan akademik) agar setiap orang guru mendapat tugas yang seimbang tanpa mengenyakan tugas utama iaitu mengajar. Pihak pengurusan sekolah hendaklah memimpin dan membantu guru-guru penolong agar mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan berkesan, tanpa mendesak atau menekan guru-guru untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan. Pendekatan yang fleksibel dan lebih mesra kerja perlu diamalkan supaya guru tidak merasa stres dan hilang kepuasan dalam bekerja. Ini dapat mengelakkan guru-guru beranggapan bahawa bekerja adalah semata-mata untuk mendapat upah sahaja.
- ii. Pihak pengurusan sekolah juga perlu membuat perancangan rapi dalam menentukan aktiviti yang melibatkan murid, ini penting kerana setiap program

yang melibatkan murid dengan sendiri akan turut melibatkan guru-guru. Guru besar dan guru penolong kanan perlu lebih kerap mengikuti dan bersama guru dalam setiap aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran, kerana ini akan memberi keyakinan kepada guru bahawa pihak pengurusan sekolah juga sentiasa mengambil berat tentang mereka. guru besar seharusnya bertindak sebagai prmbimbing dan rakan sekerja di sekolah bagi mengelakkan berlakunya jurang yang ketara antara pihak pengurusan dan guru-guru. Guru yang terputus hubungan dengan pihak pengurusan akan berasa diri mereka terabai dan tahap motivasi mereka juga akan menurun dalam menjalankan tugas.

- iii. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) perlu mengkaji semula nisbah 1.5 guru dengan bilangan bilik darjah untuk menempatkan bilangan guru di sekolah. Jika nisbah ini tidak ditambah bermakna guru-guru akan tetap dengan kuantiti yang sama. Sedangkan keadaan yang sedia ada telah menyebabkan guru terpaksa bekerja dengan masa yang melebihi jam bekerja yang sebenar yang diperuntukkan dalam jadual waktu sekolah. Dengan lain perkataan bilangan guru perlu ditambah bagi memastikan guru sentiasa mencukupi dan penempatan mereka dapat memenuhi keperluan sekolah.
- iv. Formula bilangan murid tidak melebihi 50 orang dalam sesebuah bilik darjah perlu dikaji semula. Bilangan murid yang ramai boleh menjejaskan prestasi guru kerana tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran akan terjejas. Malah guru-guru terpaksa memeriksa dan menyemak hasil kerja murid yang ramai. Ini sudah tentu mengambil masa yang lama untuk guru membuat semakan hasil kerja murid. Jika Pihak KPM dapat mengurangkan had maksimum murid setiap bilik darjah aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik kerana guru boleh mengawal aktiviti pengajaran dan

pembelajaran dan dapat memberi perhatian yang lebih untuk mengesan setiap kemajuan dan kelemahan murid.

- v. Ekoran beban tugas yang semakin bertambah, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia diharapkan dapat menyediakan perjawatan yang baru bagi menjalankan tugas kokurikulum seperti menjadi jurulatih sukan, persatuan, kelab dan unit beruniform, melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan pelajar. Ini dapat mengurangkan beban tugas guru supaya guru dapat memberi sepenuh perhatian kepada tugas akademik, seperti yang dilakukan oleh pusat pengajian tinggi awam yang memberikan tugas tersebut kepada penjawat awam yang bukan dari kalangan guru.
- vi. Guru juga wajar dipertimbangkan untuk diberi elaun tambahan bagi guru yang bertugas sebagai jurulatih sukan, menjalankan aktiviti kelab, persatuan dan badan beruniform. Adalah wajar jika guru juga diberi elaun lebih masa kerana guru sebenarnya bukan sahaja mengajar dalam kelas, tetapi juga terpaksa menjalankan aktiviti di luar sekolah seperti perkhemahan yang memakan masa lebih dari sehari dan melibatkan hari cuti, malah ada juga guru yang terpaksa mengajar kelas tambahan tanpa bayaran. Jika ada pun hanya ehsan pihak sekolah yang tidak setimpal dengan tugas yang dilaksanakan.

Dengan keputusan yang diperolehi daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sebanyak panduan dan pandangan untuk kajian-kajian akan datang. Harus juga diingatkan bahawa dapatan kajian ini hanyalah bersifat sementara, melibatkan hanya populasi dalam kalangan guru-guru di kawasan PKG Ketereh sahaja. Oleh itu kajian-kajian selanjutnya boleh dijalankan untuk mengesahkan dapatan-dapatan yang diperolehi dengan melibatkan populasi yang lebih besar seperti dalam kalangan guru-guru di daerah Kota Bharu atau negeri Kelantan.

Bagi memastikan kualiti pendidikan Negara tidak terjejas, kajian seterusnya perlu dilakukan supaya guru dapat memberi fokus kepada kerja utama mereka, iaitu mengajar. Kajian-kajian selanjutnya perlu dibuat dengan lebih teliti dan mendalam agar dapatannya lebih bermakna kepada profesyen perguruan. Selain itu, analisis-analisis yang dilakukan hendaklah tepat dan ditafsir secara lebih berhati-hati dan terperinci.

Rumusan

Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai tiga objektif seperti yang dikemukakan dalam bab pertama dan juga menjawab soalan-soalan kajian. Dalam dapatan yang diperolehi tahap beban tugas guru sekolah rendah dalam kawasan PKG Ketereh adalah sederhana manakala kepuasan kerja berada pada tahap tinggi. Selain itu, terdapat hubungan negatif yang signifikan antara beban tugas guru dengan kepuasan kerja, bagi guru-guru sekolah rendah dalam kawasan PKG Ketereh.

Sebagai kesimpulannya tugas guru sekarang bukanlah mengajar semata-mata malah terpaksa melakukan tugas sampingan lain yang berada di luar bidang tugas sebenar guru. Tugas pentadbiran dan perkeranian semakin bertambah banyak kerana pertambahan bilangan pelajar pada setiap tahun manakala tugas kokurikulum juga bertambah ekoran saranan Kementerian Pelajaran Malaysia (2003) mewajibkan setiap pelajar melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya tiga unit kokurikulum. Dengan lengkapnya kajian yang dijalankan ini, diharapkan ia dapat dijadikan rujukan dan panduan untuk perkembangan institusi pendidikan di Malaysia. Akhir kata daripada penyelidik, diharap kajian ini dapat memberi kesan yang baik dalam perkembangan institusi pendidikan di Malaysia.

RUJUKAN

- Arenawati (2002). *Hubungan kepuasan kerja dengan burnout di kalangan kaunselor sekolah menengah di Negeri Johor*. Tesis sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahari (1997). *Kepuasan kerja di kalangan guru sekolah menengah di Felda Jengka*. Tesis sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Bowen, B. E. (1980). *Job satisfaction of teacher educators in agriculture*. (Doctoral dissertation), The Ohio State University, Columbus, 1980).
- Butt, L. & Lance, A. (2005). Secondary teacher workload and job satisfaction: Do Successful for change exist, *Educational Management Administration and leadership*, Sage Publication, 33:401.
- Bubb, S. & Earley, P. (2004). *Managing teacher workload: Work-life balance and wellbeing*. London: Paul Chapman Publishing
- Bunting, A. (2000). Stress on the emotional landscape: Are teacher suffering from institutional depression. *Time Educational Supplement*, November 10.
- Cheng, Ellsworth & Hawley. (2008). Job satisfaction and career persistence of beginning teachers. *International Journal of Education Management*, 22 (1), 48-61.
- Cranny, C.J., Smith, P.C. & Stone, E.F. (1992). *Job satisfaction: How people feel about their jobs and how it affects their performance*. Lexington Books, New York, NY.
- Dinham, S. & Scott, C. (2000). Moving into the third, outer domain of teacher satisfaction. *Journal of Educational Administration*, 38 (4), 379-96.
- Dunham, J. (1992). *Stress in teaching*. Second edition. London, rouledge.
- Friedman, Howord, S., & Johnson, B. (2004), Resilient teachers: resisting stress and burnout. *Social Psychology of Education*, 7(4), pp 399-430.
- Fritzsche, B.A. & Parrish, T. (2005). Theories and research on job satisfaction, in Brown, S.D. and Lent, R.W. (Eds), *Career Development and Counseling: Putting Theory and Research to Work*, Wiley, Hoboken, NJ.
- Guru terbeban bertugas 74 jam seminggu. (2005, 25 Ogos). Berita Harian.

- Guru guna 66.24 jam seminggu mendidik. (2007, 31 Mei). Utusan Malaysia.
- Hakanen, J.J. (2006). Burnout and work engagement among teachers, *Journal of School Psychology*, 43(6), 495-513.
- Harvey, Spinney, J. (2000), *Life on and off the job: A time use study of Nova Scotia Teachers*. Halifax: St Maty's University.
- Hashimah (2002). *Faktor penyebab masalah disiplin pelajar daerah Kubang Pasu*. Tesis sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Herzberg, F., B. Mausner & B. Synderman, (1959). *The motivation to work*. New York: John Wiley and Son Inc.
- Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (2005). *Educational administration: Theory, research and practice* (Ed. 7). New York: McGraw Hill. Hoy, W. K., Hannum, J., & Tschannen Moran, M. (1988). Organizational climate and student achievement: A parsimonious view. *Journal of School Leadership*, 8, 336-59.
- Ilhaamie (2005). Kepuasan kerja: Kajian di kalangan pensyarah Akademi Pengajian Islam dan Fakulti Bahasa Linguistik, Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 13:2, 122-124.
- Jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji beban tugas guru. (2010, 1 April). Berita Harian.
- Kementerian perlu lantik pembantu guru selesaikan kerja perkeranian. (2009, 25 November). Berita Harian.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). *Panduan pengurusan kokurikulum di sekolah*.
- Krejcie, Robert V., Morgan & Daryle W., (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Lawler, E. E., III (1973). *Motivation in work organizations*. Brooks/Cole Publishing Company: Monterrey, CA.
- Livingstone, D. Smaller, H. Hart, D. & Clark, R. (2001), Informal/formal learning and work load among Ontario secondary school teachers: *Ontario Institute for Studies in Education*, University of Toronto, Canada.

- Locke, E. A. (1976). The nature and causes of job satisfaction. Dim M. D. Dunnette (Penyt.), *Handbook of Industrial and Organization Psychology*. Chicago: Rand McNally.
- Lowe, C. (2001). The high price of stress, *Times Educational Supplement*, January 5, 2001
- Lysaght, R.J., Hill, S.G., et al. (1989). Operator workload: *comprehensive review and evaluation of operator workload methodologies*. Fort Bliss, Texas, U.S. Army Research Institute for the Behavioural and Social Sciences: 262.
- Malcolmson, J., (1999). Time under pressure: Elementary teacher workload in nine lower Mainland schools. Vancouver: E.V.Christensen Consulting.
- Mowday, R. T. (1992). Equity theory predictions of behavior in organizations. In R. M. Steers & L. W. Porter (Eds.). *Motivation and work behavior*. McGraw Hill: New York.
- Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Education Association, (n.d.). Myths and facts about educator pay. from <http://www.nea.org/home/12661.htm>, Dicapai Pada 25 March 2010
- Nadler, D. and Lawler, E. (1991). Motivation: a diagnostic approach. in Kolb, D., Rubin, D. and Osland, J. (Eds), *The Organisational Behaviour Reader*, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, NJ.
- Naseem (2005). *Hubungan burnout dan kepuasan kerja: Tinjauan di kalangan kaunselor sekolah menengah di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia : Kajian Sarjana Pendidikan.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), (2006), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Price, T., (2005). Address to 2005 annual general meeting, July 15, 2005. from www.ctf-fce.ca/enews/Vol2_6/Presiden_%20message.pdf, Dicapai pada 15 March 2010
- Policy Report, (2002).The Education Policy Center at Michigan State University www.epc.msu.edu No. 22 june 2004, Dicapai pada 1 April 2010.

- Pyne, M.A. & Furnham, A. (1987). Dimensions of educational stress in West Indian Secondary School. *British Journal Educational Psychology*, 57, 141-150
- Raykov & Milosh (2001). Teachers hours and working condition: unpublished, NALL Project
- Shukor, Romle & Yazi, (2006), *Beban tugas guru sekolah rendah*: Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah, 12-24 Feb 2006, Alson Klana Resort, Seremban.
- Sekaran, Uma, (1992). *Research method for business : A Skill Building Approach*. (Second Edition). New York : John Wiley & Sons, Inc.
- Smith, P., Kendall, L. & Hullin, C. (1969). *The Measurement of Satisfaction in Work and Retirement. A Strategy Ebr The Study of Attitudes*. Chicago: Rand Nally.
- Spector, Paul, E. (2006). Stress at Work. *Encyclopedia of Career Development*. SAGE Publications.
- Shafeq (1997). *Hubungan kepuasan kerja dengan burnout* : Tinjauan di kalangan guru-guru di daerah Johor Bahru. Universiti Kebangsaan Malaysia: Projek Sarjana.
- Shukri (1998). *Beban tugas dikalangan guru sekolah rendah*. Tesis sarjana. Universiti Utara Malaysia
- Tugas guru: NUTP gariskan beban tanggungan. (2005, 25 Ogos). Utusan Malaysia.
- Tugas tambahan jejas keupayaan guru. (2009, 29 September). Berita Harian.
- Tugas guru bertambah akibat banyak arahan. (2010, 2 April). Berita Harian.
- Weiss, D. J., Dawis, R. V., English, G. W., & Lofquist, L. H. (1967). *Manual for the Minnesota Satisfaction Questionnaire*. Minneapolis, MN: University of Minnesota.
- Zakiah Haji Ahmad (2005). *Kepimpinan pengetua dalam pelaksanaan kokurikulum di sebuah sekolah menengah, Kuala Lumpur*. Kertas projek yang tidak diterbitkan: Universiti Malaya.